

29/04/2002

Dinar emas boleh jadi mata wang perdagangan dunia

Abdul Manaf Ahmad

APABILA Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan penggunaan dinar emas sebagai mata wang perdagangan antarabangsa, ada pihak yang mempersoalkannya.

Malah seorang ahli ekonomi yang menghadiri seminar dinar peringkat kebangsaan bertemakan "Dinar : Ke arah Pemantapan Ekonomi Ummah" anjuran Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) di Kuala Lumpur, bulan lalu, kurang yakin dengan cadangan itu. Beliau menyanggah pendapat seorang pembentang kertas kerja dan mencemuh bahawa kita tidak mungkin boleh mewujudkan satu sistem mata wang Islam sendiri.

Ini, katanya, kerana perdagangan antara negara Islam hanya antara lima hingga 10 peratus.

Pandangan negatif seperti ini ada persamaan dengan keraguan ahli ekonomi dan perbankan suatu ketika dulu mengenai cadangan menubuhkan Bank Islam di Malaysia. Tetapi orang seumpama ini juga mendakwa bahawa dialah juaranya.

Oleh itu tentu tidak hairan jika ada keraguan di kalangan media Islam mengenai perkara itu. Dalam satu temu ramah, baru-baru ini, Perdana Menteri ditanya: "Bolehkah umat Islam melaksanakan sistem mata wang antarabangsa sendiri? Beliau menjawab: "Ini bukan satu mimpi."

Dengan semangat dan keyakinan itu, Malaysia yakin dinar emas boleh dijadikan mata wang perdagangan antarabangsa. Sejarah membuktikan satu masa dulu mata wang Islam digunakan secara meluas di Eropah.

Pensyarah Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Anwar Zainal Abidin, dalam kertas kerjanya menyebut: "Dalam tempoh perjalanan yang begitu lama, mata wang Islam, baik yang ditempah daripada emas yang dikenali sebagai dinar atau perak yang dipanggil dirham, kemudian dikenali dengan pelbagai nama lain mengalami jatuh bangunnya seperti nasib umat Islam sendiri."

Seterusnya beliau menegaskan pada satu ketika dulu, dinar Islam adalah salah satu mata wang utama dunia zaman pertengahan dan terkenal di Eropah. Mata wang ini menjadi ikutan dan ditiru orang Eropah.

Mata wang dirham daripada pelbagai dinasti Islam tersebar luas di timur dan utara Eropah, terutama di Scandinavia, yang menunjukkan permintaan tinggi terhadapnya dan kesediaan orang menerimanya sebagai mata wang antarabangsa pada masa itu.

Persoalannya sekarang, adakah perlu bagi umat Islam yang masih kelihatan lemah dalam pelbagai bidang hingga dilabel sebagai masyarakat pengguna saja, boleh dan mampu bangun dan memperkenalkan semula mata wang Islam itu?

Dalam hal ini, Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat KUIM, Prof Dr Muhamad Muda menegaskan kemudahan atau kemajuan sesebuah negara itu banyak bergantung kepada pengaliran dana daripada perdagangan dan pelaburan.

Katanya, perdagangan adalah satu mekanisme untuk negara Islam merealisasikan hasrat mencapai kemajuan melalui pengeluaran dan pemasaran barang serta perkhidmatan dengan cara yang lebih cekap.

"Keupayaan negara Islam mengeksplotasi kelebihan masing-masing akan mendorong mencapai skil ekonomi.

"Proses perdagangan ini akan dapat meningkatkan bilangan produk yang ada dalam pasaran dan sekali gus meningkatkan gaya hidup rakyat ke tahap lebih maju," katanya.

Allah menganugerahkan banyak sumber kekayaan kepada negara Islam yang digali dari perut bumi seperti minyak, gas dan pelbagai galian. Ada negara

Islam yang kaya dengan tanah subur. Mereka mampu menjadi negara industri dan pembuatan.

Kita ada kuasa penggerak daripada minyak dan gas. Kita ada tanah subur untuk pertanian sebagai sumber makanan. Kita ada kilang untuk pakaian dan barang lain untuk keperluan hidup.

Perdagangan negara Islam lebih 30 peratus jumlah perdagangan dunia. Ia cukup besar, jika kita dapat bersatu dalam satu barisan untuk menentang eksploitasi Barat.

Kita janganlah hanya menjadi negara pengguna dan mengimport semata-mata. Jika kita kekal sedemikian, maka purata imbalan dagangan menjadi negatif dan oleh itu memaksa aliran dana keluar.

Dalam konteks ini, pengaliran dana keluar itu bukan saja memaksa penawaran mata wang tempatan, malah menyokong keteguhan mata wang negara bukan Islam. Hutang dalam bentuk pinjaman luar negara digunakan secara meluas bagi menampung imbalan dagangan defisit. Bayaran balik pinjaman ini kemudiannya akan menyumbang kepada pengaliran dana keluar yang lebih besar lagi. Semuanya akan menyumbang kekayaan negara bukan Islam. Sebenarnya negara Islam sendiri menjadikan negara bukan Islam kaya raya.

Daripada perkara di atas, pertukaran mata wang dan nilai mata wang akan turut berubah-ubah mengikut penawaran dan permintaan mata wang berkenaan. Akhirnya, mata wang negara itu lemah. Dengan demikian harga importnya akan meningkat dan terpaksa menjualnya dengan harga tinggi.

Sudah tentu barang tempatan akan naik dan akhirnya mencetus inflasi.

Dalam hal ini, Prof Dr Muhamad berkata: "Dalam pertukaran mata wang sedia ada, kitaran ini akan terus berputar. Ini akan membuat mata wang negara berkenaan menjadi semakin lemah lagi hingga terpaksa bergantung kepada negara bukan Islam secara berterusan untuk menyara ekonomi."

Keadaan itu akan berterusan hingga negara Islam lemah. Semuanya ini adalah bergantung kepada sistem mata wang antarabangsa yang dipakai.

Menyorot sejarah, penggunaan mata wang antarabangsa bermula pada 1870, iaitu bermulanya era piawai emas (Gold Standard). Sistem ini berlandaskan kepada kesediaan setiap negara menjamin pertukaran wang kertas negara masing-masing dengan emas pada kadar tetap.

Sistem ini mampu berjalan selama 34 tahun saja. Apabila perang dunia pertama tercetus pada 1914, kerajaan negara berkenaan mula mengenakan sekatan terhadap mata wang. Mereka mengabaikan janji untuk menerima wang kertas sebagai pertukaran kepada emas. Dengan itu, sistem piawai emas terhakis.

Selepas perang dunia pertama terutama dari 1929 hingga 1933 yang dikenali sebagai kemelesetan agung, sistem pertukaran mata wang dunia berada dalam keadaan terumbang ambing. Setiap negara menjaga kepentingan negara masing-masing dengan cara mereka sendiri.

Pada Julai 1944, selepas tentera negara berikat mencapai kemenangan, wakil negara dari Amerika Syarikat, Britain dan negara lain bersidang di Mount Washington Hotel di Bretton Wood untuk membincang satu oder baru bagi kewangan antarabangsa untuk menggantikan sistem piawai emas yang lalu.

Antara ciri dalam perjanjian Bretton Wood ialah penubuhan Tabung Mata Wang Antarabangsa. Akhirnya sistem ini juga gagal kerana ada negara yang tidak mempercayai nilai Dolar Amerika yang ada dalam pasaran itu sama dengan nilai emas yang disimpannya.

Mulai 1973 kebanyakan negara yang menyertai perjanjian Bretton Wood mengabaikannya dan nilai mata wang masing-masing diapungkan.

Krisis minyak pada 1974 yang sengaja dicetuskan, menyemarakkan semula Dolar Amerika kerana semua urusan niaga minyak dibuat dalam Dolar Amerika. Semuanya membuatkan Dolar Amerika menjadi kukuh semula.

Tanpa disedari negara Islam yang mengeluarkan minyak dan gas, Amerika mengambil kesempatan mengitar semula 'petrodollar' dengan menerima

tabungan daripada negara Pertubuhan Negara-negara Pengeluar dan Pengeksport Minyak (Opec) dan kemudian dengan dana itu Amerika memberi hutang kepada negara ketiga, yang kebanyakannya negara Islam.

Hutang itulah menjadi beban besar kepada negara miskin. Pada masa itu negara Arab kelihatan seperti kaya raya tetapi tidak berapa lama kemudian menghadapi pelbagai krisis.

Kita harus mengambil iktibar dari apa yang berlaku terhadap negara Opec. Amerika mengambil kesempatan mengitar semula dana 'petrodollar' dan meraih keuntungan serta kekuatan ekonominya dan tidak memberikan apa-apa manfaat kepada negara Opec berkenaan.

Bahkan ia menyebabkan krisis hutang yang juga benar-benar menghimpit negara ketiga. Krisis mata wang yang menimpa negara Asia Timur, menjadi bukti terbaru bahawa sistem sedia ada hanya berpihak kepada negara tertentu yang menguasai mata wang antarabangsa.

Apakah harus kita membiarkan sistem ini bermaharajalela dan menekan negara Islam?

Sudah tiba masanya bagi negara Islam melalui Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mewujudkan satu sistem pertukaran mata wang yang baru supaya dapat melindungi dari serangan luar yang pernah berlaku sebelum ini. Bagaimanapun, ia harus dilakukan secara berhati-hati supaya sistem yang diguna pakai itu berjalan dengan sempurna.

Apabila wujud sistem pertukaran mata wang antarabangsa Islam dan adanya peraturan pasaran yang telus dan adil serta struktur kewangan lebih mantap, pada masa itu tentu kita berasa lebih yakin bahawa ekonomi ummah dapat dimajukan dan dunia akan menjadi tempat yang lebih selesa didiami.

Berdasarkan Islam bukan agama semata-mata, malah lebih adalah satu cara hidup di dunia dan akhirat, maka usaha mewujudkan mata wang Islam antarabangsa patut dibincang, dikaji dan dicari jalan hingga berjaya.

Allah sentiasa memberi petunjuk kepada perkara yang tidak mustahil. Tetapi hendaklah disertakan dengan usaha bersungguh-sungguh.

Pada peringkat awal dulu pun orang mencemuh apabila ada cadangan untuk menubuhkan Bank Islam, tetapi apabila perkara itu masyhur terpakai maka ramai pula yang mendakwa dialah juaranya. Itu adalah lumrah alam.

* PENULIS adalah Timbalan Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

(END)